

05 DEC 1999

Ghani-Exco

GHANI TEMUI PM ESOK MENGENAI PENUBUHAN KERAJAAN JOHOR

JOHOR BAHRU, 5 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok mengenai penubuhan kerajaan negeri Johor.

"Saya akan menemui Dr Mahathir pukul 2 petang dan akan mencadangkan 10 nama bagi barisan Exco Kerajaan Negeri Johor untuk persetujuan," katanya di sini.

Menurutnya, penambahan barisan exco yang baru daripada lapan kepada 10 orang selaras dengan pindaan kepada peruntukan perlembagaan negeri.

Majlis mengangkat sumpah jawatan sebagai Menteri Besar dan anggota exco dijangka berlangsung pada Selasa atau Rabu selepas mendapat perkenan Sultan Johor.

Abdul Ghani juga berkata kali ini terdapat banyak muka baru dalam barisan exco kerana ada anggota sebelum ini tidak bertanding dan ada pula yang bertukar ke kerusi parlimen.

Yang tidak bertanding pada pilihan raya umum kali ini ialah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Datuk Sabariah Ahmad.

Tiga orang yang bertukar ke kerusi parlimen ialah Dr Abdul Latiff Ahmad (Pengerusi Kebudayaan, Belia dan Sukan), Datuk Abdul Kadir Annuar (Pengerusi Hal Ehwal Agama Islam) dan Speaker Datuk Ali Hassan.

Pada pilihan raya umum Isnin lepas, Abdul Latiff memenangi kerusi Mersing, Abdul Kadir menang di Pulai dan Ali di Tebrau.

BN Johor mengulangi kejayaan yang dicapai pada tahun 1995 dengan menyapu bersih kesemua 20 kerusi parlimen dan 40 kerusi Dewan Undangan Negeri.

-- BERNAMA

MKO MAI